



21 Disember 2016
21 December 2016
P.U. (A) 339

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH SARAAN PEGUAM CARA (PINDAAN) 2016

SOLICITORS' REMUNERATION (AMENDMENT) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

PERINTAH SARAAN PEGUAM CARA (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 113(3) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Jawatankuasa Kos Peguam Cara membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2016**.

Pindaan am

2. Perintah Saraan Peguam Cara 2005 [*P.U. (A) 520/2005*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “berhujah” di mana-mana jua ia terdapat dengan perkataan “bertikaian”.

Pindaan perenggan 3

3. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda dalam subperenggan (*k*) dengan menggantikan perkataan “RM50” dengan perkataan “RM100”.

Pindaan Jadual Pertama

4. Jadual Pertama Perintah ibu dipinda dalam kaedah 6 dengan menggantikan perkataan “setara dengan skala fi penuh yang dinyatakan dalam Jadual ini” dengan perkataan “tidak melebihi 3% daripada jumlah balasan”.

Pindaan Jadual Ketiga

5. Jadual Ketiga Perintah ibu dipinda—

(*a*) dengan memotong perkataan “balasan dan juga” dalam subperenggan (*a*), (*b*), (*c*) dan (*d*); dan

(*b*) dengan memasukkan selepas kaedah 3 proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa berkenaan dengan mana-mana produk pembiayaan pembelian rumah yang mematuhi prinsip Syariah yang tidak melebihi RM500,000.00, yang instrumen atau dokumen utama sahaja yang dikenakan duti setem *ad valorem*, maka untuk maksud Jadual ini, mana-mana instrumen (selain dokumen sekuriti) yang disediakan untuk produk pembiayaan pembelian rumah tersebut dan diperlukan hanya bagi maksud mematuhi prinsip-prinsip Syariah akan dianggap sebagai sebahagian daripada instrumen atau dokumen utama.”

Pindaan Jadual Kelima

6. Jadual Kelima Perintah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan (d) dengan subperenggan yang berikut:

“(d) Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)/ Borang-borang CKHT (setiap borang) (kerja pilihan yang dibuat oleh seorang peguam cara atas budi bicara peguam cara)	Tidak kurang daripada:
(i) Borang 1A	RM400
(ii) Borang 1A (setiap pihak tambahan)	RM200
(iii) Borang 2A	RM300
(iv) Borang 2A (setiap pihak tambahan)	RM200
(v) Borang 3	RM100
(vi) Borang 3 (setiap pihak tambahan)	RM100
(vii) Borang 502 – bagi setiap penjual	RM150
	tetapi tertakluk kepada peruntukan dalam kaedah 1 Jadual Keenam”

(b) dengan menggantikan subperenggan (e) dengan subperenggan yang berikut:

“(e) Cukai pendapatan/LHDN (kerja pilihan yang dibuat oleh seorang peguam cara atas budi bicara peguam cara)

Borang CP 600

RM200”

(c) dalam subperenggan (h)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “kaveat” perkataan “persendirian”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “transaksi pinjaman” perkataan “termasuk akuan berkanun yang diperlukan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperenggan (i), subperenggan yang berikut:

“(j) Memasukkan kaveat amanah termasuk akuan berkanun yang diperlukan RM500 bagi hakmilik pertama dan RM100 bagi setiap hakmilik tambahan

(k) Memasukkan kaveat pemegang lien RM400 bagi hakmilik pertama dan RM100 bagi setiap hakmilik tambahan

(l) Akuan berkanun, contohnya bukan seorang bankrap, untuk diduduki sendiri, kesalahan nama dan sebagainya RM100 setiap dokumen

(m) Pindahan harta simati, perintah perletakhakkan dan penukaran nama di pejabat tanah RM300 setiap permohonan dan RM100 bagi setiap hakmilik tambahan